

Impak Kerjasama Politik Terhadap Pencapaian Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Negeri Johor: 2008-2018

The Impact of Political Cooperation on the Achievement of the Islamic Party of Malaysia (PAS) in the State of Johor: 2008-2018

Muhamad Helmy Sabtu^{1*}, Nurul Aimi Razali¹, Harliana Halim¹, Khairol Anuar Kamri¹, Suswanto Ismadi Megah S²

¹ Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Program Studi Pendidikan Bahasa Inggris, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Riau Kepulauan, INDONESIA

*Corresponding Author: mhelmy@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2024.16.02.006>

Maklumat Artikel

Diserah: 26 September 2024
Diterima: 1 November 2024
Diterbitkan: 20 Disember 2024

Kata Kunci

Kerjasama politik, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), UMNO, Pilihan raya, Pakatan Rakyat, Perikatan Nasional, Johor Darul Ta'zim

Abstrak

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan sebuah parti politik yang berpengalaman dalam menjalinkan kerjasama politik dengan pelbagai parti di Malaysia. Walau bagaimanapun, setiap kerjasama politik yang dibentuk oleh PAS membawa hasil yang berbeza bergantung kepada konteks politik dan strategi yang digunakan. Di negeri Johor, PAS telah lama bertapak namun menghadapi kegagalan berterusan dalam persaingan pilihan raya di mana sehingga tahun 2004 PAS tidak pernah memenangi sebarang kerusi di negeri ini. Walau bagaimanapun, prestasi PAS mula menunjukkan perubahan positif selepas menyertai kerjasama politik bersama Pakatan Rakyat pada tahun 2008. Kajian ini bertujuan untuk meneliti implikasi kerjasama politik PAS terhadap pencapaian parti tersebut di Johor antara tahun 2008 hingga 2015. Menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes, data diperolehi melalui temu bual separa berstruktur serta analisis dokumen. Teknik pensampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan informan kajian manakala analisis data dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data, triangulasi, pengesahan *intercoder* dan pengesahan pakar diaplikasikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kerjasama PAS dengan Pakatan Rakyat membawa impak positif terhadap pencapaian pilihan raya PAS di Johor khususnya dalam Pilihan Raya Umum 2008 (PRU-12) dan 2013 (PRU-13). PAS berjaya memenangi dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada PRU-12 dan empat kerusi DUN pada PRU-13. Selain itu, sokongan terhadap PAS turut meningkat, terutamanya dalam kalangan pengundi bukan Melayu dan pengundi di kawasan bandar. Hasilnya, PAS dilihat sebagai sebuah parti yang semakin berpotensi di negeri Johor sekaligus membuktikan

bahawa kerjasama politik dapat mempengaruhi pencapaian sesebuah parti dalam konteks dinamika politik yang kompleks.

Keywords

Political cooperation, Islamic Party of Malaysia (PAS), UMNO, Election, Pakatan Rakyat, Perikatan Nasional, Johor Darul Ta'zim

Abstract

The Islamic Party of Malaysia (PAS) is a political party with extensive experience in forming political cooperation with various parties in Malaysia. However, each political cooperation formed by PAS yields different outcomes depending on the political context and strategies employed. In the state of Johor, PAS has had a longstanding presence but faced continuous electoral failures, as it did not win any seats in the state up until 2004. However, PAS's performance began to show positive changes after joining the Pakatan Rakyat (PR) coalition in 2008. This study aims to examine the implications of PAS's political cooperation on the party's achievements in Johor from 2008 to 2015. Using a qualitative approach with a case study research design, data were collected through semi-structured interviews and document analysis. A purposive sampling technique was employed to select study informants, while data analysis was conducted using thematic analysis. To ensure the validity and reliability of the data, triangulation, intercoder verification, and expert validation were applied. The findings of the study reveal that PAS's cooperation with Pakatan Rakyat had a positive impact on the party's electoral performance in Johor, particularly during the 2008 (GE-12) and 2013 (GE-13) General Elections. PAS successfully won two State Legislative Assembly (DUN) seats in GE-12 and four DUN seats in GE-13. Furthermore, support for PAS also increased, especially among non-Malay voters and voters in urban areas. As a result, PAS emerged as a party with growing potential in Johor, demonstrating that political cooperation can influence a party's achievements within the context of a complex political dynamic.

1. Pengenalan

Landskap politik di Malaysia telah lama dibentuk oleh kerjasama kompleks antara parti-parti politik yang memainkan peranan penting dalam menentukan keputusan pilihan raya. Hakikatnya kemerdekaan negara ini tidak mungkin dicapai tanpa adanya persefahaman politik di antara parti-parti utama yang wujud. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Barisan Nasional (BN) sebagai contohnya telah berjaya mengekalkan kekuasaan sejak kemerdekaan sehinggalah tahun 2018 berkat dari kejayaan kerjasama politik utuh yang telah diwujudkan (Mohd Azizuddin, 2009). Kepentingan mengadakan kerjasama politik juga boleh dilihat melalui Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang merupakan salah satu parti politik Islam tertua di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1951, PAS telah mengambil bahagian dalam pelbagai gabungan politik sehingga ke hari ini dengan tahap kejayaan yang berbeza-beza (Farish, 2016; Funston, 1976). Walaupun PAS berpegang teguh pada prinsip-prinsip Islam, strateginya sering dipengaruhi oleh pertimbangan pragmatik terutamanya apabila bekerjasama dengan parti yang lebih sekular atau berbilang etnik (Muhamad Helmy Sabtu, 2023).

Makalah ini memberikan tumpuan kepada kerjasama politik PAS di negeri Johor antara tahun 2004 hingga 2015, tempoh yang menyaksikan perubahan ketara dalam prestasi pilihan raya parti tersebut. Secara sejarah, PAS menghadapi kesukaran untuk menempatkan diri di Johor walaupun telah lama bertapak di negeri ini iaitu sejak tahun 1954 (Tarmizi, 1992). Hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya hegemoni politik UMNO dan BN yang telah sekian lama mendominasi landskap politik negeri (Hutchinson, 2020). Buktinya, sepanjang tempoh penubuhan parti di negeri Johor, PAS tidak pernah memenangi sebarang kerusi pilihan raya sehinggalah tahun 2004 iaitu dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-11. Kemenangan PAS dalam pilihan raya tersebut juga adalah kemenangan tanpa bertanding apabila calon BN telah diisytiharkan sebagai hilang kelayakan menjadikan calon PAS sebagai ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) secara automatik (Wan Saiful, 2017). Namun, prestasi PAS mula menunjukkan perubahan selepas menyertai Pakatan Rakyat (PR) pada tahun 2008 yang menyaksikan parti Islam bekerjasama dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) (Muhamad Helmy, Shah Rul & Khairul, 2022). PAS mula mencapai kejayaan dalam pilihan raya di negeri ini untuk tempoh dua kali pusingan iaitu PRU-12 dan PRU-13 yang akan diteliti dalam kajian ini.

Justeru itu, penulisan ini berhasrat untuk mengkaji bagaimana kerjasama politik telah mempengaruhi nasib pilihan raya PAS di Johor dengan menyoroti perubahan strategi parti serta implikasinya terhadap gabungan politik masa depan.

2. PAS dan Kerjasama Politik

Sejarah panjang kerjasama politik PAS didorong oleh pertimbangan ideologi dan pragmatisme politik. Sejak awal lagi, PAS telah mencari gabungan untuk memperluaskan daya tarikannya dan meningkatkan prestasi pilihan raya. Pada tahun 1970-an, PAS pernah menyertai gabungan BN yang menandakan percubaan awal parti Islam untuk berintegrasi dalam arus perdana politik. Namun, ketegangan ideologi membawa kepada runtuhnya kerjasama tersebut. Pada tahun 1999, PAS sekali lagi mengambil pendekatan pragmatik apabila membentuk kerjasama politik yang dinamakan Barisan Alternatif (BA) bersama DAP dan PKR seiring dengan gelombang Reformasi yang melanda negara ketika itu. Namun atas faktor ideologi, kerjasama berkenaan sekali lagi berakhir apabila DAP bertindak keluar dari gabungan selepas PAS mula memperkenalkan kembali agenda hudud dan negara Islamnya. PAS sepanjang tempoh ini berdepan dengan kesuraman yang terzahir melalui pencapaian buruk parti dalam PRU-11 apabila kehilangan kuasa pemerintahan di negeri Terengganu sementara kemenangan tipis di negeri kubu kuat mereka iaitu Kelantan (Mohd Izani, 2018).

Kerjasama PAS dengan Pakatan Rakyat (PR) pada tahun 2008 dilihat sebagai perubahan besar dalam strategi politiknya. PR merupakan gabungan pelbagai etnik dan parti. Meskipun terdapat perbezaan ideologi, PAS bekerjasama dengan DAP dan PKR didasarkan dengan satu matlamat perjuangan yang sama iaitu untuk mencabar dominasi UMNO-BN. Kerjasama ini disebut sebagai *tahalluf siyasi*. Sarjana seperti Farish A. Noor (2016), Azmil Tayeb (2018) dan Mohd Izani (2018) berpendapat bahawa kerjasama ini membolehkan PAS memperluaskan pangkalan sokongannya ke luar kubu kuat tradisionalnya terutamanya di kawasan bandar dan kalangan pengundi bukan Melayu. Strategi ini ternyata berhasil apabila PAS menjadi parti yang paling beruntung dengan peningkatan jumlah kerusi yang signifikan dalam PRU-12 iaitu sebanyak 17 kerusi parlimen serta 48 kerusi DUN berbanding PRU sebelumnya. Di negeri Kedah dan Perak, pemimpin PAS juga diangkat sebagai menteri besar sebagai penghormatan dan keutuhan kesepakatan yang terjalin dalam gabungan PR. PAS juga berjaya menembusi beberapa negeri yang sebelum ini dianggap negeri sukar seperti Selangor, Negeri Sembilan dan termasuklah Johor (Mohd Hasbie, 2014).

Walau bagaimanapun, gabungan ini juga mencetuskan perpecahan dalaman dalam PAS kerana kelompok yang lebih konservatif dalam parti menganggap kerjasama tersebut tidak efektif dan hanya mengurangkan identiti Islam parti tersebut. Pertembungan dalaman antara kelompok konservatif dan progresif dalam parti akhirnya menyebabkan perpecahan pada tahun 2015 sekaligus menamatkan kerjasama politik berusia hampir tujuh tahun berkenaan (Muhamad Helmy & Muhamad Nadzri, 2018). Sekali lagi, pertimbangan ideologi menjadi taruhan buat PAS. Namun, pasca perpecahan dengan PR, PAS tetap terus mengadakan kerjasama strategik dengan membentuk beberapa blok politik baharu sehingga ke hari ini. Antaranya ialah Gagasan Sejahtera (GS) sebagai blok ketiga berdepan PRU-14, Muafakat Nasional (MN) bersama UMNO serta yang terkini Perikatan Nasional (PN) bersama Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) (Muhamad Nadzri, 2020). Situasi ini membuktikan bahawa PAS mempunyai kesedaran bahawa mereka tidak mampu untuk memenangi pilihan raya secara bersendirian, sebaliknya memerlukan bantuan dan sokongan dari berbagai segmen pengundi yang boleh diperoleh dari kerjasama politik yang diwujudkan.

3. Landasan Teoretikal Gabungan Politik

Kerjasama politik dapat dianalisis melalui beberapa teori gabungan yang menjelaskan mengapa parti-parti memilih untuk bekerjasama dan bagaimana kolaborasi tersebut kemudiannya dapat mempengaruhi keputusan politik. Teori ini juga menjelaskan motivasi dan strategi di sebalik pembentukan pakatan oleh parti politik lebih-lebih lagi di dalam sebuah negara di mana tiada satu pun parti yang dapat membentuk kerajaan dengan sendiri. Satu kerangka teori yang boleh diaplikasikan bagi memahami tindakan PAS mengadakan kerjasama politik bagi menghadapi pilihan raya adalah seperti yang diperkenalkan oleh William A. Riker iaitu teori *minimal winning coalition* atau pakatan kemenangan minimum. Melalui teori ini, beliau menghujahkan bahawa parti-parti politik akan berusaha untuk membentuk pakatan yang bersaiz kecil tetapi masih dapat mencapai kemenangan dalam pilihan raya dan memperoleh kuasa. Objektifnya adalah melalui pembentukan pakatan yang lebih kecil, perselisihan dalaman akan dapat dikurangkan serta lebih mudah untuk berkompromi. Lebih sedikit parti dalam pakatan bermaksud lebih sedikit pertentangan kepentingan untuk diseimbangkan seterusnya menjadikannya lebih mudah untuk mengekalkan perpaduan dalam Pakatan (Fagen, 1963).

Selain itu, teori *consociationalism politic* atau politik permuafakatan juga dapat membantu memberikan pencerahan mengenai kerjasama politik yang diadakan oleh PAS. Melalui teori ini, Arend Lijphart (1969) menjelaskan bagaimana kerjasama politik antara parti politik yang berbeza ideologi boleh menghasilkan suatu pemerintahan yang stabil dalam masyarakat yang berpecah belah. Kaedah yang dilaksanakan adalah melalui sebuah perjanjian perkongsian kuasa. Dalam sistem konsosiasional, kestabilan politik dicapai apabila parti-parti dengan ideologi yang bertentangan bersetuju untuk bekerjasama. Mereka sering berkompromi untuk mengekalkan keamanan dan memastikan setiap kumpulan yang berbeza etnik, agama, atau ideologi mempunyai suara dalam pemerintahan. Kerjasama ini membantu mengelakkan konflik besar dengan memastikan tiada satu kumpulan pun akan menguasai sistem politik. Sebaliknya, kuasa yang ada dikongsi bersama bagi mencapai

sebuah pemerintahan yang stabil (Lijphart, 1969). Teori ini telah diguna pakai bagi menjelaskan politik Malaysia sejak kemerdekaan di mana ia dapat menjelaskan bagaimana Malaysia berjaya menenteramkan situasi negara walaupun rakyat secara umumnya berpecah-belah melalui Pakatan elitis yang diwakili oleh UMNO, Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaysia (MIC) (Lijphart, 1977).

Dalam konteks untuk memahami PAS, teori permuafakatan politik membantu menjelaskan bagaimana PAS sebagai sebuah parti Islamis boleh bekerjasama dengan parti-parti yang mempunyai berbeza ideologi untuk memastikan kestabilan politik. Sebagaimana Malaysia mempraktikkan model politik ini, seperti itulah PAS memerlukan kerjasama serupa kerana meyakini bahawa parti berkenaan tidak akan mampu untuk menang secara bersendirian dalam pilihan raya. Sementara teori pakatan kemenangan minimum pula boleh diterjemahkan melalui kerjasama politik PAS dengan PR bagi tempoh kajian. PAS sebuah parti Islam di Malaysia menyertai pakatan yang lebih besar untuk meningkatkan peluang kemenangannya dalam pilihan raya. Keputusan ini boleh difahami menggunakan teori pakatan kemenangan minimum kerana dengan bekerjasama dengan DAP dan PKR, parti berkenaan dapat memperluaskan sokongan pengundi dan bersaing dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, PAS juga berusaha untuk meminimumkan kompromi ideologi di mana PAS menjangkakan dapat mengekalkan identiti Islamnya dengan membentuk pakatan dengan jumlah parti yang paling minimum sehingga membolehkan mereka menang dalam pilihan raya tanpa perlu banyak mengorbankan kepercayaan teras mereka. Justeru, kedua-dua teori gabungan ini akan memandu penulisan bagi memahami strategi PAS mengadakan kerjasama politik bersama PR sepanjang tempoh 2007 hingga 2015 di Johor dan bagaimana strategi berkenaan memberikan impak tertentu kepada parti. Analisis dengan lebih mendalam akan dilakukan pada bahagian dapatan dan perbincangan.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk meneroka impak kerjasama politik PAS di Johor. Kaedah kualitatif sesuai untuk memahami dinamik halus kerjasama politik serta membolehkan penerokaan mendalam terhadap perspektif dan pengalaman pihak berkepentingan yang terlibat dalam subjek kajian (Creswell, 2013). Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk memilih informan yang mempunyai pengetahuan yang relevan tentang aktivisme politik PAS di Johor (Sekaran & Bougie, 2016). Informan yang terlibat termasuklah pemimpin PAS, pengamal media, ahli akademik, parti dari anggota PR (Parti Amanah Negara, AMANAH) serta parti lawan (UMNO) yang berjumlah seramai enam orang. Strategi pensampelan ini memastikan data yang dikumpul berkaitan secara langsung dengan fokus penyelidikan. Data dikumpulkan melalui dua kaedah utama iaitu; temu bual separa berstruktur secara mendalam dan analisis dokumen. Temu bual separa berstruktur secara mendalam membolehkan fleksibiliti dalam meneroka pandangan informan tentang kerjasama politik PAS sambil memastikan objektif kajian dapat dicapai (Parker, 2005).

Sementara analisis dokumen pula dilakukan melalui semakan dan analisis mendalam terhadap dokumen penting seperti siri helaian mata pilihan raya umum negeri Johor, manifesto parti, maklumat demografi kawasan pilihan raya DUN Johor serta laporan media. Kesemua dokumen ini dapat memberikan konteks tambahan selain dapat meningkatkan kredibiliti kepada data temu bual (Yin, 2014). Kesemua data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik yang melibatkan beberapa proses tertentu seperti transkripsi data temu bual serta proses pengkodan. Setiap data mentah yang diperoleh disusun dan ditapis sebelum dikodkan kepada subtema dan kemudiannya kepada tema-tema utama. Sementara bagi data pilihan raya, analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis serta memindahkan data *numerical* ke dalam bentuk trend atau arah aliran prestasi PAS. Data ini kemudiannya akan dibentangkan dalam bentuk jadual dan rajah (Loed, Dynarski, McFarland, Morris, Reardon & Reber, 2017). Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, kaedah triangulasi digunakan dengan membandingkan data daripada pelbagai sumber seperti temu bual dan analisis dokumen (Creswell & Poth, 2018). Kebolehpercayaan *intercoder* juga diuji dengan melibatkan semakan dan pengesahan dua *intercoder* luar yang merupakan pakar kajian pilihan raya sesuai dengan saranan Miles dan Huberman (1994). Keseluruhan dapatan juga kemudiannya disahkan oleh pakar bidang bagi meningkatkan lagi kesahan kajian.

5. Dapatan

Hasil kajian ini menunjukkan kerjasama politik PAS bersama PR sepanjang tempoh 2008 hingga 2015 telah memberikan impak positif yang ketara kepada parti. Penulisan ini akan membentangkan tiga hujah bagi menyokong pernyataan berkenaan. Hasil analisis, terdapat tiga aspek utama implikasi positif dari kerjasama politik PAS-PR di negeri Johor iaitu; (i) peningkatan prestasi PAS dalam pilihan raya, (ii) perluasan pangkalan sokongan parti serta (iii) PAS muncul sebagai parti yang berpotensi di negeri Johor.

Pertama, peningkatan prestasi PAS dalam pilihan raya boleh ditelusuri menerusi perbandingan prestasi sebelum, semasa dan selepas parti bekerjasama dengan PR. Seperti yang telah disebut pada bahagian pengenalan, PAS sebelum ini gagal memenangi sebarang kerusi baik di peringkat parlimen mahupun DUN Johor. Kemenangan

pertama PAS pada tahun 2004 serta pada tahun 2018 pula adalah didorong oleh faktor teknikal. Pada PRU-11, kemenangan PAS di kerusi DUN Senggarang adalah disebabkan calon UMNO yang telah ditolak pencalonannya menyebabkan PAS menang tanpa bertanding. Faktor hampir serupa berlaku pada PRU-14 di mana pencalonan calon parti pembangkang terbesar pada ketika itu iaitu PH ditolak menyebabkan undi pembangkang diberikan kepada calon PAS di kawasan Bukit Pasir tersebut yang menyaksikan pertentangan satu lawan satu dengan calon BN. Sementara pada PRU-12, PAS buat pertama kalinya menang menerusi pertandingan di dua buah kerusi iaitu DUN Maharani dan Sungai Abong yang dimenangi oleh calon PAS. Pada PRU-13 berikutnya, kedua-dua kerusi tersebut berjaya dipertahankan oleh penyandangannya dari PAS dan ditambah pula dengan dua lagi kemenangan kerusi DUN iaitu di Wangsa Maju dan Parit Yaani. Kemenangan dalam dua pilihan raya tersebut menunjukkan indikasi jelas kepada peningkatan prestasi PAS dalam persaingan pilihan raya di negeri Johor jika dibandingkan dengan pencapaian parti pada tahun 2004.

Faktor konsistensi dan kemenangan PAS sepanjang dua pilihan raya tersebut adalah disebabkan oleh kerjasama dan persefahaman yang wujud antara PAS dengan parti-parti pembangkang lain ketika itu iaitu PKR dan DAP. Walaupun PR sebagai sebuah pakatan politik hanya wujud pada 1 April 2008 iaitu selepas PRU, namun sinergi di antara parti-parti pembangkang telah wujud lebih awal di mana ketiga-tiga parti sedaya upaya untuk mengurangkan pertembungan calon di setiap kawasan pilihan raya bagi meningkatkan kebolehmengan pembangkang. Keempat-empat kerusi yang dimenangi oleh PAS pada PRU-12 dan PRU-13 kesemuanya menyaksikan pertembungan satu lawan satu antara calon pembangkang serta BN kecuali di Puteri Wangsa yang melibatkan tiga penjuror dengan seorang calon persendirian (BEBAS). Strategi berkenaan ternyata membuahkan hasil apabila undi yang tidak menyebelahi BN boleh disatukan di bawah satu payung pakatan pembangkang. Walaupun terdapat kewujudan faktor luaran seperti kelemahan pentadbiran Abdullah Badawi serta gelombang anti-BN, namun kejayaan tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama politik. Buktinya selepas keluar dari PR pada tahun 2015, PAS gagal mempertahankan kesemua kerusi tersebut dengan penurunan jumlah undi yang begitu signifikan. Penurunan undi adalah seperti yang boleh dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1 Jumlah dan peratusan undi DUN yang dimenangi PAS
(Suruhanjaya Pilihan Raya, 2021)

DUN	PRU 11		PRU 12		PRU 13		PRU 14	
	Undi	%	Undi	%	Undi	%	Undi	%
Sg. Abong	4,151	29	8,776	55	14,084	58	2,136	9
Maharani	4,594	29	8,154	50	12,731	57	3,869	17
Pt. Yaani	3,259	24	5,562	37	11,278	53	2,943	13
P. Wangsa					20,357	53	2,654	5

Kedua, kajian ini juga mendapati bahawa kerjasama politik membolehkan PAS memperluaskan pangkalan pengundinya terutama di kalangan pengundi bukan Melayu serta pengundi di kawasan bandar yang sebelum ini enggan menyokong parti Islamis. Perubahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh daya tarikan yang lebih kuat dari gabungan PR yang secara tidak langsung memberikan PAS akses kepada kawasan pengundi yang tidak dapat dicapai oleh parti itu sendiri. Para pengundi bukan Melayu mendapati tidak ragu-ragu untuk memberikan undi mereka kepada parti Islam kerana menganggap undi tersebut adalah untuk parti yang mereka sokong selagi mana PAS berada dalam PR. Gerak kerja PAS bersama parti rakan dalam PR seperti DAP juga mendapati semakin erat pasca PRU-12 sehingga membolehkan mereka mendapat kepercayaan dari pengundi bukan Melayu dan pengundi di kawasan bandar. Sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh pengundi juga hasil dari pembawaan ideologi yang lebih sederhana oleh PAS ketika berada di dalam PR. Antaranya termasuklah slogan dan mesej "*PAS for all*" yang diangkat oleh kelompok beraliran prodemokrasi di dalam parti yang menonjolkan ciri parti Islam yang inklusif untuk semua kaum dan mesra kepada masyarakat bukan Islam. Penonjolan ciri ini secara tidak langsung turut berjaya menarik minat pengundi bandar yang lazimnya lebih rasional dan terbuka dalam memilih parti untuk diundi.

Berdasarkan analisis pada Jadual 2, dapat dilihat bahawa PAS merupakan antara parti yang menerima tempas dari gelombang "Tsunami Cina" yang melanda negara pada PRU-13 di mana keempat-empat kerusi yang dimenangi dan dipertahankan oleh PAS itu adalah merupakan kerusi campuran (atau majoriti Cina) dengan pecahan pengundi kaum berkenaan melebihi paras 40 peratus. Lokasi keempat-empat kerusi DUN yang dimenangi PAS yang terletak di kawasan bandar dan pinggir bandar juga membenarkan hujahan bahawa kedua-dua kumpulan ini mula menyokong dan mengundi parti Islam. Trend peningkatan sokongan ini menunjukkan bahawa pangkalan pengundi PAS mula meluas dan tidak terhad kepada penyokong Islamis semata-mata. Sebagai perbandingan, sokongan kaum Melayu dan luar bandar di Johor sebenarnya tidaklah memihak kepada PAS atau PR. Kumpulan berkenaan masih lagi mengekalkan kesetiaan mereka kepada UMNO dan BN yang mana negeri ini sememangnya terkenal dengan julukan kubu kuat BN. Menerusi analisis lanjut, 10 kawasan super Melayu di negeri

Johor iaitu di DUN Penawar, Sedili, Sri Medan, Semarang, Rengit, Benut, Endau, Johor Lama, Tenggaraoh dan Tanjung Surat kesemuanya masih lagi didominasi oleh BN dengan majoriti besar yang rata-ratanya melebihi 5,000 undi (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2021). Tanpa kerjasama dengan DAP dan PKR, PAS mungkin berdepan kesukaran untuk mendapatkan undi dari segmen pengundi berkenaan.

Jadual 2 Demografi kawasan yang dimenangi PAS pada PRU-13
(Ilham Centre, 2022)

DUN	Lokasi geografi	Komposisi etnik (%)				Majoriti
		Melayu	Cina	India	Lain-lain	
Sg. Abong	Pinggir bandar	53.42	43.32	2.75	0.51	3,813
Maharani	Pinggir bandar	60.97	36.13	2.27	0.64	3,136
Pt. Yaani	Pinggir bandar	57.51	41.20	0.88	0.42	1,188
P. Wangsa	Bandar	38.60	49.95	10.38	1.07	3,469

Ketiga, kerjasama PAS-PR juga berjaya melonjakkan populariti PAS sebagai parti arus perdana sehingga PAS menjadi begitu berpotensi di negeri Johor. Hasil analisis mendapati bahawa PAS di beberapa kawasan telah mula mencapai lebih 40 peratus sokongan pengundi yang dikategorikan oleh kajian ini sebagai kerusi berpotensi untuk dimenangi parti. Berdasarkan Jadual 3, pada PRU-12 terdapat empat kawasan DUN yang melepasi kriteria berkenaan iaitu Gambir, Sungai Balang, Senggarang dan Permas. Dengan mengekalkan pencapaian di empat kerusi tersebut, PAS terus mencatatkan peningkatan kerusi berpotensi sehingga 16 kawasan pada PRU berikutnya iaitu di Pemanis, Tenang, Jorak, Serom, Machap, Mahkota, Endau, Tiram, Kempas, Nusajaya, Bukit Permai dan Pulau Sebatang. Tiga kawasan parlimen turut melepasi 40 peratus undian pada PRU-13 iaitu di Ayer Hitam, Simpang Renggam dan Pulau yang membuktikan PAS semakin mendapat tempat di negeri Johor. Tidak setakat itu, undi popular bagi keseluruhan di negeri Johor juga mencatatkan angka yang memberangsangkan sepanjang tempoh permuafakatan iaitu 32.05% pada PRU-12 sebelum mencecah angka tertinggi pada PRU berikutnya iaitu sehingga 41.56%. Berdasarkan data yang dibentangkan, PRU-13 merupakan pencapaian terbaik pernah diperolehi PAS sepanjang lebih enam dekad keberadaannya di negeri Johor. Walaupun kerusi yang dimenangi PAS pada PRU berkenaan hakikatnya hanyalah empat, namun peningkatan angka-angka tersebut menunjukkan PAS merupakan parti yang berpotensi untuk menguasai Johor.

Secara unjurannya dan mengambil kira gelombang anti-BN yang semakin memuncak menjelang PRU-14, kajian ini menjangkakan PAS akan mampu memenangi sehingga 20 kerusi DUN pada PRU-14 sekiranya mengekalkan kerjasama dengan PR. Dengan angka berkenaan, PAS dijangka menjadi parti yang mendominasi politik Johor dan berpotensi untuk mentadbir negeri secara bersama dengan parti PR yang lain. Buktinya, kesemua dari 20 kerusi DUN tersebut, 17 daripadanya berjaya dimenangi oleh parti pembangkang di bawah gabungan Pakatan Harapan (PH) pada PRU-14 dan PH sendiri berjaya membentuk kerajaan negeri menggantikan BN. Manakala tiga lagi DUN berpotensi yang tidak berjaya dimenangi oleh mana-mana parti pembangkang iaitu Machap, Sungai Balang dan Endau juga adalah disebabkan oleh pecahan undi di mana pembangkang masih akan memenangi kerusi berkenaan sekiranya pertandingan berlaku secara dua penjuru iaitu BN menentang PH atau PAS. Namun demikian, kesemua unjuran yang dijangkakan oleh kajian ini tidak berlaku memandangkan PAS mengambil keputusan untuk memutuskan kerjasama politik dengan PR pada tahun 2015. Dari krisis dan perpecahan dalaman yang berlaku, PAS Johor hakikatnya yang paling teruk menerima kesan di mana operasi PAS di negeri berkenaan hampir lumpuh sepenuhnya setelah perpindahan besar-besaran ahli dan pemimpinnya ke AMANAH. Manakala prestasi PAS pada PRU-14 menjunam ke tahap yang paling teruk selepas tamatnya kerjasama PAS bersama PR.

Jadual 3 Jumlah kerusi berpotensi dimenangi serta undi popular PAS, 2004-2018
(Suruhanjaya Pilihan Raya, 2021)

	Jumlah kerusi berpotensi		Undi popular PAS (DUN)	
	Parlimen	DUN	Jumlah	Peratus (%)
PRU 11	0	0	100,301	21.94
PRU 12	0	4	166,489	32.05
PRU 13	3	16	292,702	41.56
PRU 14	0	0	118,582	10.53

6. Antara Realisme dan Idealisme: PAS di Persimpangan?

Pasca PR, PAS dilihat berada di persimpangan iaitu pilihan antara meneruskan perjuangan berteraskan idealisme Melayu-Islam atau melihat kepada keperluan realistik untuk meraih kejayaan yang lebih besar dalam pilihan raya. Walaupun persoalan ini sudah dibangkitkan sekian lama seperti yang pernah dicituskan oleh Liow Chin Yong (2011), namun ia tetap relevan untuk dibangkitkan dengan melihat kepada prestasi semasa PAS dalam pilihan raya. Meskipun pencapaian PAS dilihat semakin meningkat pada pusingan pilihan raya yang berikutnya, namun perlu diperhatikan juga jurang segmen pengundi parti itu yang dilihat semakin menyempit dan terhad kepada hanya kelompok pengundi Melayu-Islam sahaja berbanding ketika era bersama PR sebagaimana yang diunjurkan oleh kajian Muhamad Helmy, Khairul, Nurul Aimi dan Muhyamin, (2021). Tidak dinafikan bahawa kerjasama PAS bersama PN bermula tahun 2020 telah membuahkan hasil di peringkat nasional dalam PRU-15 apabila pencapaian parti Islam meningkat mendadak dengan memenangi 43 kerusi parlimen berbanding hanya 18 sebelumnya. Namun, kebanyakan kerusi yang dimenangi PAS hanya tertumpu di kawasan majoriti Melayu sahaja. Ni negeri kajian iaitu Johor umpamanya, pencapaian PAS pada PRN 2022 terbatas apabila hanya memenangi satu kerusi sahaja iaitu di DUN Maharani dari 15 yang ditandingi (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa PAS masih menghadapi cabaran untuk menembusi kawasan bercampur tanpa kerjasama politik yang lebih strategik.

Pencapaian terhad PAS di Johor mencerminkan cabaran untuk memperluaskan pengaruh ke kawasan bandar dan bercampur yang memerlukan pendekatan politik yang lebih inklusif. Di negeri Johor, kemenangan PAS dalam pilihan raya lebih banyak bergantung kepada faktor luaran seperti kerjasama politik kerana teras sokongan yang sangat lemah di negeri berkenaan. Kebanyakan kerusi campuran dan bandar di negeri ini lebih didominasi oleh PH manakala BN pula memiliki kelebihan di kawasan majoriti Melayu yang rata-ratanya masih lagi memberikan kesetiaan kepada UMNO (Mohamed Nawab & Rashaad, 2018; Muhamad Helmy et al., 2021). Sementara peningkatan sokongan kepada PAS pada PRU-15 dan PRN 2022 berbanding PRU-14 pula adalah disebabkan kerjasama politik yang dijalin bersama PPBM di mana sebahagian undi Melayu berpindah kepada PPBM yang dilihat lebih terkedepan dalam mengangkat identiti politik Melayu. Analisis ini sejajar dengan trend yang berlaku di peringkat persekutuan di mana PAS mendominasi kerusi di Pantai Timur dan Utara tetapi masih lemah di kawasan Selatan dan bandar serta kawasan campuran. PAS bersama-sama PN juga gagal merebut kuasa di peringkat persekutuan. Oleh itu, pertimbangan strategik antara meneruskan perjuangan berteraskan idealisme atau beralih kepada pendekatan pragmatik wajar untuk diangkat untuk dipertimbangkan oleh PAS demi kelangsungan parti Islam.

Dari perspektif idealisme, PAS boleh memilih untuk kekal berpegang teguh kepada asas Melayu-Islam sebagai strategi untuk mengekalkan sokongan di kubu kuat dan kawasan tradisinya. Namun, pendekatan ini menghadkan daya tarikannya kepada pengundi bukan Melayu dan kawasan bandar. Dalam PRN Johor 2022, PN secara keseluruhannya hanya memenangi tiga daripada 56 kerusi yang dipertandingkan dengan PPBM mendominasi kemenangan. Kegagalan ini menonjolkan perlunya PAS mempertimbangkan strategi kerjasama yang lebih inklusif seperti yang pernah dilakukan dengan PR dalam PRU-12 dan PRU-13 yang memperlihatkan peningkatan undi daripada komuniti bukan Melayu dan sokongan di kawasan bandar (Muhamad Helmy, 2023). Namun bagi golongan yang berpegang teguh kepada idea ini, kerjasama dengan mana-mana pihak yang bertentangan dengan prinsip Islam dianggap bakal melemahkan perjuangan parti. Pandangan ini mencadangkan bahawa PAS harus kekal berpegang kepada pendekatan Islamisme yang tegas. Pendekatan ini juga mencerminkan keyakinan terhadap prinsip politik Islam yang holistik dan keupayaan untuk menjadi "*kingmaker*" tanpa perlu tunduk kepada agenda politik gabungan lain (Muhamad Helmy & Muhamad Nadzri, 2018).

Namun begitu, idealisme ini berdepan cabaran dalam konteks politik moden yang semakin kompleks. Dengan pengundi yang semakin berpendidikan dan rasional, pendekatan eksklusif mungkin dianggap tidak relevan sekali gus menghadkan potensi PAS untuk berkembang di negeri ini. Tambahan pula, misi PAS untuk berperanan sebagai "*kingmaker*" juga sekali lagi gagal pada PRU-15 apabila dengan tegas menolak untuk bekerjasama dengan PH bagi membentuk kerajaan Perpaduan seperti dititahkan oleh Yang Di-Pertuan Agong. Sebaliknya, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan BN yang menjadi "*kingmaker*" dalam pembentukan kerajaan persekutuan pasca Parlimen tergantung pada tahun 2022. Maka, matlamat PAS untuk memerintah Putrajaya dilihat bakal berdepan kegagalan susulan ketidakupayaan mereka bersama rakan dalam gabungan PN untuk meluaskan lagi pengaruh dan sokongan pengundi. Dalam konteks Malaysia umumnya, prinsip politik permuafakatan yang diasaskan sejak kemerdekaan menerusi kerjasama antara elit politik berbilang kaum itu wajar dipraktikkan oleh setiap parti yang menghajatkan tampuk pemerintahan. Sesebuah parti politik yang berasaskan satu-satu kaum atau agama tertentu secara logiknya tidak akan mampu menguasai politik persekutuan kerana realitinya Malaysia memang merupakan negara berbilang etnik dan agama.

Walaupun kerjasama dengan PH dan BN tampak lebih realistik dan bakal menguntungkan PAS di kawasan campuran dan bandar serta termasuklah negeri Johor, idea ini hakikatnya tidak mudah untuk direalisasikan. Hal ini kerana pada PRU-13, PAS sebenarnya sudah berasa terpinggir dalam gabungan PR berikutan kemerosotan sokongan akar umbi terhadap parti itu yang dilihat mula meninggalkan perjuangan Islamisme. Penurunan

prestasi ini jelas dapat dilihat apabila PAS banyak kehilangan kerusi di negeri kubu kuatnya di pantai timur dan negeri Kelantan sehingga menyebabkan PAS menjadi parti terkecil dalam gabungan pembangkang pada ketika itu (Farish, 2016; Norshahril, 2015). PAS juga tidak dapat memperjuangkan matlamat asal mereka iaitu agenda hudud yang sentiasa menjadi matlamat parti itu walaupun ketika bekerjasama dengan PR sehingga menjadikan tahalluf yang dibentuk itu hanya merugikan parti (Ahmad Fauzi & Mohamad Faizal, 2021; Muhammad faiz & Wan Fazira, 2015). Namun begitu, gabungan PAS dengan PH dan BN dijangka tetap akan memberikan manfaat berdasarkan unjuran kerjasama yang lepas. Sementara PH boleh menawarkan sokongan masyarakat bukan Islam dan bandar, UMNO juga akan membantu PAS untuk menyeimbangkan ideologi gabungan memandangkan parti itu juga mengangkat agenda Melayu. Tambahan di negeri Johor yang merupakan negeri kubu kuat UMNO, penyertaan PAS dijangka akan mampu meningkatkan lagi prestasi parti Islam berkenaan.

Tuntasnya, dalam dilema antara realisme dan idealisme, PAS perlu membuat keputusan strategik berdasarkan matlamat jangka panjangnya. Adakah ia ingin menjadi parti massa yang menawan sokongan pelbagai lapisan rakyat, atau kekal sebagai parti ideologis yang hanya memfokuskan kepada prinsip Islam semata-mata? Di Johor, keputusan ini menjadi lebih penting memandangkan landskap politik negeri yang mencabar. Sebagai penyelesaian, PAS mungkin perlu mengimbangi kedua-dua pendekatan dengan mengadaptasi strategi pragmatik yang tidak mengorbankan prinsip asasnya. Pendekatan ini memerlukan kebijaksanaan dalam menyusun naratif politik yang mampu memikat pengundi Melayu-Islam dan bukan Melayu, sambil memelihara identiti sebagai sebuah parti Islam. Hanya melalui keseimbangan ini, PAS dapat terus relevan di persada politik Johor dan Malaysia secara keseluruhannya.

7. Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini menunjukkan bahawa kerjasama politik adalah penting bagi kejayaan pilihan raya PAS di Johor, terutamanya melalui pakatan dengan Pakatan Rakyat antara tahun 2008 dan 2013. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun kerjasama ini membolehkan PAS memperluaskan pangkalan pengundinya dan mencapai kemenangan pilihan raya, ia juga mencetuskan ketegangan dalaman dalam parti. Pada masa akan datang, PAS berdepan dengan keputusan kritikal iaitu dilema di antara mengikuti pendekatan realistik dan pragmatik terhadap kerjasama politik atau berpegang kepada akar ideologinya yang idealistik. Keupayaan parti untuk menyeimbangkan tuntutan yang saling bertentangan ini akan menjadi kunci kepada kejayaannya di masa hadapan, terutamanya ketika landskap politik Malaysia terus berkembang. Kajian masa depan boleh meneroka bagaimana kerjasama politik PAS dengan pelbagai gabungan mempengaruhi trajektori ideologi jangka panjang dan dinamik dalaman parti tersebut. Perbandingan juga boleh dilakukan mengenai impak strategi kerjasama PAS bersama PN di negeri-negeri yang memaparkan kejayaan PAS dalam pilihan raya terkini. Kajian ini penting bagi mengimbangi dapatan yang telah dianalisis melalui makalah ini.

Penghargaan

Para penulis ingin menyatakan penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di atas sokongan yang diberikan sehingga kajian ini berjaya diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Para penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Pengarang

Para penulis mengesahkan sumbangan mereka terhadap makalah ini seperti berikut: **idea dan konsep asal:** Muhamad Helmy Sabtu; **pengumpulan data:** Muhamad Helmy Sabtu, Nurul Aimi Razali; **analisis dan interpretasi data:** Muhamad Helmy Sabtu, Nurul Aimi Razali, Harliana Halim, Khairul Anuar Kamri, Suswanto Ismadi Megah S; **penyediaan draf manuskrip:** Muhamad Helmy Sabtu. Kesemua penulis melakukan semakan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

Rujukan

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Mohamad Faizal Abd Matalib. (2021). Islam and the Environment: The Challenge of Developmental Politics in Malaysia with Special Reference to PAS's Rule in Kelantan. In Zawawi Ibrahim, G. Richards & V. T. King (Ed.). *Discourses, Agency and Identity in Malaysia: Critical Perspectives*. Singapore: Institute of Asian Studies and Springer.
- Azmil Tayeb. (2018). Green Waves of Change In The East Coast: PAS and Anti-UMNO Backlash in Kelantan. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 232-250.
- Creswell, J. W. & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks: Sage.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing among the Five Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks: Sage.
- Fagen, R. R. (1963). The Theory of Political Coalitions. By William H. Riker. (New Haven: Yale University Press, 1962). *American Political Science Review*, 57(2), 446-447. doi:10.2307/1952835
- Farish A. Noor. (2016). *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Funston, J. N. (1976). The Origins of Parti Islam Se-Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 7(1), 58-73.
- Hutchinson, F. E. (2020). UMNO and Barisan Nasional in Johor: A Time-Bound Fixed Deposit? In F. E. Hutchinson & Serina Rahman (Ed.). *Johor: Abode of Development?*. Singapore: ISEAS.
- Ilham Centre. (2022). Demografi Kawasan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Johor.
- Lijphart, A. (1969). Consociational Democracy. *World Politics*, 21(2), 207-225.
- Lijphart, A. (1977). *Democracy in Plural Societies*. New Haven: Yale University Press.
- Liow, J. C. (2011). Creating Cadres: Mobilization, Activism and The Youth Wing Of Pan-Malaysian Islamic Party, PAS. *Pacific Affairs*, 84(4), 665-686.
- Loeb, S., Dynarski, S., McFarland, D., Morris, P., Reardon, S. & Reber, S. (2017). *Descriptive Analysis in Education: A Guide for Researchers*. Washington: US Department of Education, Institute of Education Sciences.
- Miles, M. & Huberman, A. (1984). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. Beverly Hills: Sage.
- Mohamed Nawab Mohamed Osman & Rashaad Ali. (2018). Localizing Victory: GE 14 and the Electoral Contest in Johor and Kelantan. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 367-385.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2009). The Emergence of New Politics in Malaysia: From Consociational to Deliberative Democracy. *Taiwan Journal of Democracy*, 5(2), 97-125.
- Mohd Hasbie Muda. (2014). *PAS & Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013)*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Mohd Izani Mohd Zain. (2018). Improving Relations Between Islamists and Non- Muslims in Malaysia: The Case of Pan-Malaysian Islamic Party (PAS). *International Journal of West Asian Studies*, 10(4), 35-45.
- Muhamad Helmy Sabtu & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2018). *Persaingan Ideologi PAS dan AMANAH: Dalam Politik dan Pilihan Raya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Helmy Sabtu, Khairul Azman Mohamad Suhaimy, Nurul Aimi Razali & Muhaymin Hakim Abdullah. (2021). Islamist conservatism in politics: Approach, political strategy and performance of the Malaysian Islamic Party in the 14th General Election. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 26(2), 1-34.
- Muhamad Helmy Sabtu, Shah Rul Anuar Nordin & Khairul Azman Mohamad Suhaimy. (2022). Malaysian Islamic Party (PAS) and Challenges in Johor. *Journal of Techno-Social*, 14(2), 35-44.
- Muhamad Helmy Sabtu. (2023). PAS di Negeri Johor 2004-2018: Prestasi, Isu dan Cabaran (Publication No. 31619361). [Tesis Kedoktoran, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia]. ProQuest Dissertations and Theses Global.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2020). Pilihan Raya dan Politik Malaysia Pasca PRU 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(1), 150-175.
- Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2015). Pasca-Islamisme dalam PAS: Analisis Terhadap Kesan Tahalluf Siyasi. *International Journal of Islamic Thought*, 8(12), 52-60.
- Norshahril Saat. (2015). Testing the Political Waters: PAS's Hudud Proposal and Its Impact. *Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS)*, 71(1), 46-47.
- Parker, I. (2005). *Qualitative Psychology: Introducing Radical Research*. Thousand Oaks: Sage.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2016). *Research Method for Business. A Skill-Building Approach*. 7th ed. West Sussex: Wiley.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2021). *Laporan Pilihan Raya Umum ke-14*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2022). *Laporan Pilihan Raya Umum ke-14*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Tarmizi Mohd Jam. (1992). *Masa Depan PAS Johor*. Kuala Lumpur: Lajnah Penerangan PAS Johor.

- Wan Saiful Wan Jan. (2017). *Parti Amanah Negara in Johor: Birth, Challenges and Prospect*. Singapore: ISEAS.
- Yin, R. K. (2014). *Case Study Research: Design and Method*. 5th ed. Thousand Oaks: Sage.